

PAPARAN KESOPANAN BERBAHASA DALAM TEKS KOMSAS *MELUNAS RINDU*: APLIKASI MODEL LEECH (1983) DAN GRICE (1975)

Sara Beden¹

Indirawati Zahid²

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur Malaysia

¹sra7109@yahoo.com.my

²indirawati@um.edu.my

ABSTRAK

Kajian dengan menggunakan bahan Komsas oleh para pengkaji setakat ini kebanyakannya tertumpu kepada nilai-nilai murni dan masalah pengajaran dan pembelajaran Komsas sebaliknya kurang memberikan tumpuan terhadap analisis kesopanan berasaskan teori linguistik. Bahan sastera diyakini dapat berfungsi sebagai wadah untuk menyemai keinsanan, kebijaksanaan berbicara, kehalusan budi bahasa, sikap dan minda yang positif selain bertujuan untuk menghargai kehidupan. Justeru, kajian ini akan menjelaskan kesopanan berbahasa dalam teks Komsas yang digunakan oleh para murid Tingkatan 4 Zon 4 di negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi dan memetakan struktur peristiwa bahasa berdasarkan dialog yang diujarkan oleh watak utama dan watak sampingannya dalam bab 17 dan 19 novel ini. Kajian ini mengaplikasikan kombinasi Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang telah membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) berdasarkan prinsip tepat, hampir sama dan ekonomis. Terdapat enam pola dalam MPKMU. Hasil dapatan menunjukkan pematuhan terhadap dua pola kombinasi maksim dalam MPKMU, iaitu Pola 1 dan Pola 2 berdasarkan prinsip hampir sama. Pemetaan struktur peristiwa bahasa pula memperlihatkan struktur yang digunakan dalam setiap peristiwa bahasa bervariasi atas faktor objektif komunikasi yang berbeza-beza bagi memanifestasikan kesopanan. Kesimpulannya, kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas dapat memberikan pendedahan tentang penggunaan dan pemilihan unsur bahasa yang sesuai agar komunikasi menjadi lebih berkesan dan mendatangkan manfaat kepada semua pihak.

Kata kunci: peristiwa bahasa, pemetaan, struktur, kesopanan, konteks

LANGUAGE POLITENESS IN THE 'MELUNAS RINDU' LITERATURE TEXT: APPLICATION OF LEECH (1983) AND GRICE (1975) MODELS

Astract

Most researchers have conducted studies using materials from literature focusing on values, and problems in teaching and learning of literature; thus politeness analysis based on linguistics theory had been less focused. Literature materials had been trusted to function as a repository to instil benevolence, discretion in reasoning, good manners, and a positive mind and attitude besides appreciating life. This study will elucidate language politeness in the literature text that is being used by Form 4 students in Zone 4 which encompasses the state of Johor, Sabah, Sarawak and Federal Territory of Labuan, Malaysia. The purpose of this study is to classify and map the speech event structure from the Chapters of 17 and 19 in the novel based on the dialogues uttered by the main and supporting characters. This study has applied the Leech (1983) and Grice (1975) combination model which forms the General Combination Pattern Model which is based on the principle of accuracy, similarity and economy. There are six patterns in General Combination Pattern Model. The results displayed adhere in terms of similarity of two maxim combination patterns; Patterns 1 and 2 in the General Combination Pattern Model. On the other hand the mapping of the speech event structures has shown that the structure used in each event is varied in relation to different communication objectives which manifest politeness. In conclusion, language politeness in literature materials can provide exposure in terms of the usage and selection of appropriate language so that communication becomes effective and beneficial for everyone.

Keywords and phrase: language event, mapping, structure, politeness, contexts.

Pengenalan

Norhana Bakhary (2015, hlm. 269) berpendapat bahawa penutur amat berhati-hati ketika menyampaikan pendiriannya melalui pemilihan kata yang tepat dan sesuai agar bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu yang tidak suka berterus terang dalam menyampaikan sesuatu maksud dan mesej. Penggunaan ungkapan yang indah dan cara paling halus tanpa menjatuhkan air muka individu terbabit diutamakan dalam berkomunikasi. Pandangan ini secara langsung memmanifestasikan betapa signifikannya aspek kesopanan berbahasa dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar tidak ada pihak yang tergores atau tercalar maruahannya. Lanjutan daripada itu, masyarakat Melayu menggunakan bahasa kiasan seperti peribahasa dan simpulan bahasa sebagai langkah untuk menyampaikan sesuatu yang boleh mengakibatkan perasaan seseorang tersinggung. Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2012, hlm. 35) berpendapat bahawa peribahasa digunakan sebagai satu bentuk yang berhemah, iaitu penyampaiannya secara lembut, berkias dan tidak bersifat menghentam peribadi seseorang sebaliknya bersifat mendidik dan memberikan pengajaran. Berdasarkan pendapat ini dapat diperjelas bahawa

masyarakat Melayu amat menitikberatkan kehemahan dan kepekaan dalam berbahasa agar dapat menjaga air muka dan maruah seseorang. Menurut Asmah Haji Omar (1996) air muka dalam budaya Melayu memberikan kesan yang mendalam kerana melibatkan maruah dan martabat semua pihak di sekitarnya. Oleh itu, budaya ini harus diterapkan dalam kalangan generasi muda sejak di bangku sekolah lagi supaya mereka dapat membudayakannya dalam pergaulan dan kehidupan seharian.

Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia mengintegrasikan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mulai tahun 2000, dari tingkatan satu hingga tingkatan lima secara berperingkat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003) merupakan tindakan yang wajar. Perkara ini bersesuaian dengan fokus dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang memuatkan kepentingan aspek kesantunan atau kesopanan berbahasa yang sewajarnya diberi penekanan. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu menggariskan aktiviti-aktiviti kebahasaan yang menjurus pada aspek kesopanan berbahasa. Huraian ini menyentuh tentang penggunaan ungkapan yang sesuai untuk berkomunikasi, menekankan aspek kemesraan dan penggunaan kata panggilan yang sopan dan sesuai. Bertepatan dengan penekanan terhadap aspek kesopanan maka kita akan dapat mendidik warganegara yang bukan sahaja peka dengan penggunaan dan pemilihan kata yang sesuai malahan memperlihatkan kebijaksanaan dengan mengambil kira faktor siapa lawan bertutur, situasi dan tempat. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014a, hlm. 236) berpendapat bahawa pembudayaan kesopanan berbahasa amat signifikan dalam usaha melahirkan insan yang tahu berbudi bahasa di samping memiliki kebijaksanaan dalam berkomunikasi. Justeru, makalah ini akan membincangkan aspek kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu teks Komsas yang digunakan di Zon 4.

Sorotan Literatur

Sorotan kajian dalam makalah ini sekadar mengulas beberapa literatur terdahulu sama ada di dalam atau di luar negara tentang aspek kesopanan berbahasa. Kajian di luar negara memperlihatkan kemunculan sarjana-sarjana yang terkenal dalam bidang pragmatik dan memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa. Antaranya termasuklah Goffman (1955, 1967), Grice (1975), Lakoff (1975), Leech (1983), Brown dan Levinson (1987). Sarjana-sarjana Barat ini telah mengusul dan mengetengahkan prinsip, peraturan, strategi, kontrak, maksim dan konsep sebagai panduan yang perlu dipatuhi semasa berkomunikasi bagi memmanifestasikan kesopanan berbahasa dalam pelbagai ranah bahasa. Sementara sarjana tempatan yang menulis tentang kesopanan berbahasa termasuklah Asmah Haji Omar (1996, hlm. 88-109) dalam bukunya yang bertajuk *Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Asmah membahagikan kesopanan kepada dua jenis, iaitu Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala. Menurutnya, strategi kesopanan melibatkan beberapa faktor seperti kesedaran akan peranan masing-masing, perbezaan latar sosial, kuasa dan kepatuhan mengawal perbincangan berdasarkan tajuk serta air muka. Noriati Abd. Rashid (2013) pula dalam bukunya yang bertajuk *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan* mengetengahkan input Islam sebagai landasan terhadap perlakuan sopan dalam kalangan orang Melayu khususnya dalam

menguruskan majlis pertunangan agar kesopanan terpelihara. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dalam bukunya *Santun Komunikasi* (2001) membicarakan kesopanan berbahasa dalam berkomunikasi dengan memberikan penekanan terhadap komunikasi dalam keluarga dan komunikasi di tempat kerja yang bersandarkan etika, prinsip, norma, adat dan budaya masyarakat kita. Awang Sariyan (2007) pula mengaitkan kesopanan bahasa dengan *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau membuat perincian bahawa kesopanan merupakan perkara yang dituntut dalam Islam selain membuat penegasan bahawa sistem sapaan dan gaya pengungkapan yang sopan dalam berbahasa harus dititikberatkan supaya kesopanan terpelihara.

Lanjutan daripada itu, kajian kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas mula mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji walaupun belum menyeluruh. Antaranya, termasuklah kajian Nor Azian Abd Aziz (2005) yang bertajuk *Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes* telah mengkaji novel Komsas yang bertajuk *Seteguh Karang*. Dalam kajian ini beliau mengaplikasikan keenam-enam Prinsip Kesopanan Leech bagi melihat kesopanan berbahasa dalam teks tersebut. Sementara kajian Muhamad Yazid Kassim (2005) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk *Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai* telah memberikan fokus terhadap genre drama dalam antologi Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Kajian beliau tertumpu pada aspek nilai-nilai murni yang merangkumi nilai kekeluargaan, nilai peribadi dan nilai kewarganegaraan. Mohamad Hanafi Hairan (2004) pula dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Masalah Pendidikan Komsas: Satu Kajian Kes di Hulu Langat Selangor* telah meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Komsas. Terkini, kajian oleh Noor Hartini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011, hlm. 83-108) yang bertajuk *Eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani* dalam *Jurnal Bahasa*. Kajian ini memberikan fokus pada unsur eufemisme dalam kedua-dua buah novel dengan menggunakan Maksim Santun (Maksim Kebijaksanaan dalam kajian ini) dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983).

Kesimpulannya, kajian kesopanan berbahasa dengan menggunakan bahan Komsas masih lagi terbatas dan memerlukan penyelidikan lanjut. Oleh itu, kajian ini diharap dapat mengisi kelompangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas dari sudut pragmatik.

Permasalahan kajian

Pengabaian terhadap aspek kesopanan berbahasa ketika berinteraksi menjadi agenda penting dalam kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah et al. (2011) dengan melihat permasalahan moral dalam kalangan murid sekolah yang bercakap kasar dengan gurunya di sebuah sekolah di Nibong Tebal dalam *Berita Harian* yang bertarikh 15 Januari 2010. Isu yang sama pernah ditegaskan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009, hlm. 28) dalam artikel yang bertajuk *Akhlak Mulia Melalui Kesantunan Berbahasa*, dengan menyatakan bahawa budaya santun dalam kalangan generasi muda semakin terhakis berdasarkan perilaku dan cara berbahasa golongan ini. Lanjutan daripada itu, isu kesopanan berbahasa yang semakin terhakis dalam kalangan generasi muda dewasa ini telah mengakibatkan pelbagai gejala seperti

bercakap kasar, memaki, bergaduh dan bersikap menimbulkan kemarahan seseorang. Perlakuan ini harus ditangani sebaik mungkin dengan menggunakan pendekatan yang berbentuk pendidikan khasnya melalui saluran pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, iaitu khususnya melalui bahan sastera yang dibaca dan dihayati oleh para murid. Hakikatnya, kesopanan berbahasa mempunyai hubungan yang erat dengan aspek nilai dan moral dalam usaha melahirkan insan yang bersikap positif dan memiliki kesopanan ketika berinteraksi dan berhubung dengan pihak lain. Justeru, kajian ini amat relevan dengan situasi dan isu semasa khasnya yang berhubung kait dengan isu kesopanan yang semakin terhakis dewasa ini dan selaras dengan kepentingan amalan kesopanan yang harus dibudayakan dalam kalangan generasi muda.

Objektif

Kajian ini mempunyai objektif, iaitu untuk mengklasifikasi dan memetakan struktur peristiwa bahasa dalam novel *Melunas Rindu* berdasarkan Prinsip Kesopanan (PK) Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama (PK) Grice (1975) yang telah membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU).

Bahan dan Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan genre novel yang bertajuk *Melunas Rindu* (2009) karya Hartini Hamzah. Novel ini diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. pada tahun 2009 untuk edisi murid dan pernah memenangi tempat pertama kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Utusan Melayu & Public Bank 1998. Novel ini merupakan novel yang telah dipilih oleh panel penilai untuk dijadikan bahan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah dan digunakan oleh para murid Zon 4 (Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan).

Kajian ini dibataskan dengan menggunakan dialog yang diujarkan oleh dua watak, iaitu Fuad watak utama dan watak sampingan, iaitu Farhana dalam bab 17 dan 19 novel ini. Kajian ini hanya menggunakan 22 dialog yang diujarkan oleh kedua-dua watak. Data kajian yang akan digunakan adalah seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1

Peristiwa Bahasa

| Bab | Bil | Peristiwa bahasa | Jumlah Dialog |
|------------------|-----|--|---------------|
| | 1 | Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Zamani | 8 |
| 17&19 | 2 | Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana | 12 |
| | 3 | Fuad berpesan sebelum ke Mekah | 2 |
| Jumlah | | | 22 |

Jadual 1 menunjukkan peristiwa-peristiwa bahasa yang terdapat dalam Bab 17 dan 19 novel ini dan mengandungi 22 dialog. Dialog-dialog ini diklasifikasi kepada tiga

peristiwa bahasa dan akan dianalisis berdasarkan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU).

Kerangka Teoritis

Kajian ini mengaplikasikan kombinasi dua model kesopanan, iaitu PK Leech (1983) dan PK Grice (1975). Leech telah menyetengahkan enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati sebagaimana dalam paparan berikut:

- (i) Maksim Kebijaksanaan (*Tact*) ialah maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Kebijaksanaan merujuk kepada usaha mengurus sesuatu situasi tanpa menyinggung perasaan orang lain dalam konteks komunikasi. Situasi yang dimaksudkan merujuk kepada cara yang berhemah untuk mendekati dan memanggil atau menyapa orang lain agar dapat mewujudkan kemesraan dalam komunikasi.
- (ii) Maksim Kedermawanan (*Generosity*) ialah maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau dengan kata lain menguntungkan orang lain. Maksim Kedermawanan dikenal pasti melalui sikap murah hati dalam memberikan bantuan, menawarkan bantuan dan mempelawa atau mengajak seseorang tanpa mengira kos atau beban yang ditanggung.
- (iii) Maksim Sokongan (*Approbation*) ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Maksim Sokongan dikenal pasti melalui sikap memuji dengan penggunaan kata-kata pujian terhadap orang lain dan ungkapan menghargai seseorang dengan tujuan untuk menimbulkan rasa senang hati.
- (iv) Maksim Kerendahan Hati (*Modesity*) ialah maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Maksim Kerendahan Hati dikenal pasti melalui tindakan merendah diri dengan meminta maaf untuk mengelak pihak lawan tutur berasa tersinggung dan mengambil tindakan merendah diri.
- (v) Maksim Persetujuan (*Agreement*) ialah maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain bagi mencapai kesepakatan. Maksim Persetujuan dikenal pasti melalui persetujuan secara langsung oleh pihak lawan tutur bagi melancarkan komunikasi.
- (vi) Maksim Simpati (*Sympathy*) ialah maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Maksim Simpati dikenal pasti melalui sikap belas kasihan dan sikap mengambil berat apabila mendengar permasalahan orang lain bagi tujuan memaksimumkan simpati terhadap orang lain.

Sementara Grice pula mengutarakan empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara seperti dalam paparan berikut:

- i) Maksim Kuantiti yang bermaksud memberi maklumat yang sempurna, iaitu merujuk kepada pemberian maklumat yang informatif dan mencukupi dan tidak memberikan maklumat yang berlebihan daripada yang diperlukan dalam komunikasi.
- ii) Maksim Kualiti yang bermaksud memberikan maklumat yang betul, iaitu tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu atau benar dan tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu dalil atau kesahihan buktinya.
- iii) Maksim Relevan yang bermaksud maklumat yang mempunyai perlaian atau ciri-ciri yang rapat, iaitu maklumat yang disampaikan haruslah berkaitan sama ada tersurat atau tersirat.
- iv) Maksim Cara yang bermaksud menyatakan sesuatu dengan cara yang betul dan mudah difahami bagi mengelakkan maklumat yang memperlihatkan ketaksaan, kekaburan dan berbelit-belit.

Kombinasi kedua-dua model ini telah membentuk model yang baharu, iaitu Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Pembentukan MPKMU ini berasaskan tiga prinsip, iaitu hampir sama, ekonomis dan tepat. Justeru, terdapat enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU ini. Ringkasnya, MPKMU ini terdapat dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2
Model Pola Kombinasi Maksim Umum

| Pola | Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) |
|---------------|---|
| Pola 1 | Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK) |
| Pola 2 | Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS+3 PK) |
| Pola 3 | Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS+2 PK) |
| Pola 4 | Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS+1 PK) |
| Pola 5 | Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS) |
| Pola 6 | Kebijaksanaan (1 PS) |

PS = Prinsip Kesopanan PK = Prinsip Kerjasama

Berdasarkan Jadual 2, terdapat enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1: 6 PS + 4 PK; Pola 2: 5 PS + 3 PK; Pola 3: 4 PS + 2 PK; Pola 4: 3PS + 1 PK; Pola 5: 2 PS dan Pola 6: 1 PS yang terbentuk dalam MPKMU. Model ini akan digunakan untuk menganalisis data-data kajian. Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur bahasa, iaitu sama ada kata (leksikal), ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan maksim-maksim dalam Model Pola Kombinasi Maksim Umum

(MPKMU) berdasarkan dialog antara watak dalam tiga peristiwa bahasa yang dianalisis.

Metodologi

Kajian ini menggunakan tiga kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kuantitatif. Kaedah analisis teks dilakukan dengan memilih teks atau novel yang sesuai sebagai bahan kajian. Pengkategorian dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama dan watak sampingan. Dialog-dialog tersebut dikeluarkan dan akan melalui proses pelabelan atau pengekodan. Data dikod berdasarkan tajuk buku, bab (jumlah halaman dalam satu-satu bab), nama watak yang melafazkan dialog, halaman dan nombor dialog mengikut urutan dalam sesebuah bab. Misalnya, MR-B1(9)-Fu-H6-D1/5. MR bermaksud *Melunas Rindu*, B1(9) bermakna Bab 1 dan angka 9 dalam kurungan merujuk kepada jumlah halaman dalam Bab 1, singkatan Fu bagi nama watak yang melafazkan dialog iaitu Fuad (singkatan Fa untuk watak Farhana) H6 ialah halaman 6 dan D1/5 pula ialah dialog 1 daripada 5 dialog yang dilafazkan oleh watak Fuad dalam Bab 1.

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur bahasa yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa bahasa dengan memberi fokus terhadap penggunaan kata, ungkapan dan ayat yang bersesuaian dengan padanan maksim-maksim dalam Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU).

Analisis kuantitatif pula akan dipaparkan dalam bentuk jadual bagi memperlihatkan jumlah dan peratusan penggunaan pola kombinasi maksim yang dominan dalam analisis kajian sebagaimana dalam MPKMU.

Hasil Dapatan

Analisis yang dilakukan terhadap data berdasarkan tiga peristiwa bahasa yang terdapat dalam Bab 17 dan 19 berlandaskan MPKMU memperlihatkan penggunaan dua pola kombinasi maksim sahaja, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK dan Pola 2, 5 PS + 3 PK. Dapatan ini terdapat dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3
Hasil Dapatan

| Pola | No/Jumlah Peristiwa Bahasa | Pola Kombinasi Maksim | Jumlah Dialog | Peratus (%) |
|--------------------|----------------------------|---|---------------|-------------|
| 1 (6 PS + 4 PK) | 1 | Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan | 8 | 90.9 |
| | 2 | Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib) | 12 | |
| 2 (5 PS + 3 PS) | 3 | Kebijaksanaan+Persetujuan | 2 | 9.10 |
| Jumlah | | | 22 | 100 |

Jadual 3 memaparkan hasil dapatan yang menunjukkan penggunaan dua pola kombinasi maksim dalam MPKMU berdasarkan tiga peristiwa bahasa dalam Bab 17 dan 19 novel ini. Pola 1 diwakili dua peristiwa dengan jumlah 20 dialog atau 90.09 peratus dan Pola 2 juga diwakili satu peristiwa dengan jumlah 2 dialog atau 9.10 peratus. Dapatan ini memperlihatkan penggunaan Pola 1 lebih dominan kerana didapati dua peristiwa mematuhi Pola 1, iaitu peristiwa 1 dan 2 manakala satu lagi peristiwa mematuhi Pola 2, iaitu peristiwa 3. Perkara ini juga berlaku bertitik tolak daripada faktor dua peristiwa dalam Pola 1 mematuhi prinsip hampir sama dengan kehadiran Maksim Simpati dan Cara manakala satu lagi peristiwa dalam Pola 2 turut mematuhi prinsip hampir sama dengan kehadiran Maksim Persetujuan bagi membolehkannya diklasifikasikan dalam Pola 1. Peristiwa-peristiwa bahasa tersebut juga memenuhi cakupan maksim-maksim dalam pola-pola berkenaan dan memenuhi kriteria untuk diklasifikasikan dalam Pola 1 dan Pola 2.

Perbincangan

Perbincangan hasil dapatan dalam kajian ini melibatkan dua bahagian, iaitu bahagian pertama ialah analisis pola kombinasi maksim dalam ketiga-tiga peristiwa hasil daripada pengklasifikasian dan bahagian kedua pula tentang analisis pemetaan struktur dalam ketiga-tiga peristiwa yang akan dipaparkan dalam bentuk jadual. Paparan analisis disusun berdasarkan peristiwa-peristiwa bahasa Pola 1 dan kemudian Pola 2 sebagaimana dalam paparan seterusnya.

Pengklasifikasian Pola 1, 6 PS +4 PK

Terdapat dua peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 1 ini, iaitu (i) peristiwa 1 Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Zamani dan (ii) peristiwa 2 Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana.

- (i) *Peristiwa 1: Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Zamani – Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan*

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan ini diklasifikasikan dalam Pola 1, iaitu mematuhi prinsip hampir sama dengan memenuhi kriteria kehadiran Maksim Simpati. Peristiwa dan pola kombinasi maksim yang mematuhi prinsip ini terdapat dalam Jadual 4.

Jadual 4

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan

| Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab | Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan+ Simpati+Relevan | Peristiwa 1 |
|--|--|---|
| MR-B17(10)-Fu- H196-D1/11 | Sunyiilah sekolah ni tahun depan. Tak nak beli hadiah, Ana? Farhana: (tersenyum sedikit) | |
| MR-B17(10)-Fu- H196-D2/11 | Jom, minum. Aku rasa ku lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar. | |
| MR-B17(10)-Fa- H197-D1/9 | Kenapa pula? | Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani |
| MR-B17(10)-Fu- H197-D3/11 | Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga. | |
| MR-B17(10)-Fa- H197-D2/9 | Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak. Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah. | |
| MR-B17(10)-Fu- H197-D4/11 | Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia. Cikgu Zamani sentiasa membuatkan dia serba salah dan toleransinya pula mengagumkan aku. Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana? | |
| MR-B17(10)-Fa- H197-D3/9 | Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya. Percayalah cakap aku. Manusia, kalau dah macam tu susah nak ubah. | |

MR-B17(10)-Fu-H197-D5/11 Biarlah dia. Janji kita tak tengok lagi muka dia. Bagi diri aku pula, terus teranglah Ana. Sikap Cikgu Zamani tu sedikit pun tidak mengubah tanggapan aku terhadap kemuliaan tugas seorang guru. Pada aku, seorang guru itu tetap terhormat, luhur, berjasa dan sentiasa bersedia ... Sekurang-kurangnya itulah pendapat aku sepanjang berada di sekolah ini. Orang seperti Cikgu Zamani itu ibarat nila setitik saja. Tapi kalau belanga yang mengisi susu itu besar, rasa aku takkanlah ternampak kesan nila setitik tadi. Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya. Menjadi guru pula semacam satu kebetulan saja bagi dirinya. Apa lagi kita nak kata?
Lantaran sebagai manusia, kita lahir dan terdidik
dalam berbagai-bagai persekitaran yang akhirnya mencorakkan peribadi kita!

Peristiwa Fuad dan Farhana berbual tentang perpindahan Cikgu Zamani yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara berhemah untuk mencadangkan sesuatu seperti dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D2/9 *Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak* yang dituturkan oleh Farhana. Kata **bolehlah** digunakan agar lebih lembut dan sopan apatah lagi disertai dengan partikel **lah** dalam pemberian cadangan oleh Farhana kepada abangnya Fuad jika hendak menasihatinya yang disusuli dengan gurauan dalam ayat *Limo kilo sehari pun boleh*. Kebijaksanaan berbicara juga diperlihatkan melalui penggunaan kata panggilan hormat **cikgu** yang terdapat dalam peristiwa ini khasnya untuk memanggil **Cikgu Abas** dan **Cikgu Zamani** sebagai tanda hormat walaupun wujudnya sebagai orang ketiga dalam peristiwa ini. Penggunaan kata ganti nama seperti **aku**, **kau** dan kata nama peribadi seperti **Ana** juga tepat dalam konteks hubungan antara Fuad dan Farhana dalam peristiwa bahasa ini.

Maksim Sokongan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D5/10 *Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya*, yang dilafazkan oleh Fuad menandakan sokongan untuk meminimumkan cacian kepada Cikgu Zamani. Ungkapan **aku tidak menghukumnya**, **aku lebih melihatnya sebagai seorang individu** dan **sudah begitu perwatakannya** mencerminkan sokongan Fuad walaupun Cikgu Zamani mempunyai rekod yang kurang baik di sekolah. Fuad melihat sikap negatif Cikgu Zamani bukan disebabkan

profesion perguruan tetapi pembawaan karakter dalam dirinya sendiri. Tindakan Fuad bukan sahaja memmanifestasikan kesopanan berbahasa malahan dapat meminimumkan cacian antara dirinya dengan orang lain.

Maksim Persetujuan diperlihatkan melalui persetujuan secara tidak langsung Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D3/9 **Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya**. Ayat ini memberi gambaran bahawa Farhana bersetuju dengan pandangan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D4/10 *Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana?*, tetapi disampaikan secara tidak langsung. Farhana bermaksud memang Cikgu Zamani tidak membuat masalah di sekolah mereka kerana perpindahannya namun dia mungkin akan meneruskan perangai lama tersebut di sekolah baharu sebagai tanda persetujuannya dengan pertanyaan Fuad. Persetujuan secara tidak langsung dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim Simpati pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D4/10 *Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia*, yang dituturkan oleh Fuad sebagai tanda simpatinya kepada Cikgu Abas yang terpaksa berhadapan dengan perangai negatif Cikgu Zamani. Kata **kasihan** yang diungkapkan oleh Fuad memancarkan kesopanan berbahasa kerana dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D3/10 **Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga**. Jawapan ini diberikan oleh Fuad untuk menjawab soalan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D1/9 *Kenapa pula?* Farhana bertanya sebab Fuad mengatakan dia lega apabila Cikgu Zamani pindah dalam ayat *Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar*. Maklumat yang diberikan oleh Fuad berkaitan atau mempunyai pertalian dengan soalan Farhana walaupun secara tersirat. Fuad bermaksud supaya Farhana tidak bergaduh dengan Cikgu Zamani, namun tidak disampaikan terus-terang sebaliknya mengatakan dia tidak tahan mendengar Farhana bergaduh. Sumbangan maklumat yang berkaitan dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi selain memancarkan sikap berhati-hati dalam berbahasa.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati pemetaan struktur peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 5 yang berikut:

Jadual 5

Pemetaan struktur peristiwa 1

| Peristiwa: 1 | Unsur | Dialog | Maksim |
|--------------|------------------|---|---------------|
| | Unsur pernyataan | Fu: Sunyilah sekolah ni tahun depan. | |
| | Unsur lawak | Fu: Tak nak beli hadiah, Ana? | Kebijaksanaan |
| | Unsur ajakan | Fu: Jom, minum. Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar. | |

| | | | |
|--|---------------------|--|---------------|
| Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani | Unsur pertanyaan | Fa: Kenapa pula? | Relevan |
| | Unsur pernyataan | Fu: Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga.. | |
| | Unsur cadangan | Fa: Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak. | Kebijaksanaan |
| | Unsur lawak | Fa: Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah. | |
| | Unsur pernyataan | Fu: Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia. | |
| | Unsur pertanyaan | Fu: Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana? | Persetujuan |
| | Unsur pernyataan | Fa: Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya. | |
| | Unsur pernyataan | Fu: Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya. | Sokongan |

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 1 sebagaimana paparan dalam Jadual 5, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur pernyataan dalam dialog *Sunylah sekolah ni tahun depan* dan diikuti unsur lawak dalam dialog *Tak nak beli hadiah, Ana?* dengan tujuan untuk mengusik Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani dalam bentuk ayat tanya. Selepas itu, Fuad mengajak Farhana minum sambil menyatakan kelegaannya sebab Cikgu Zamani sudah berpindah sebagaimana dalam dialog *Jom, minum. Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar*. Kemudian, Farhana menggunakan unsur pertanyaan untuk bertanya bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang pandangan Fuad dalam dialog *Kenapa pula?* Fuad memberikan maklumat yang relevan dengan menggunakan unsur pernyataan bahawa dia tidak tahan mendengar Farhana dan Cikgu Zamani bergaduh sebagaimana dalam dialog *Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia*. Apabila mendengar maklumat tersebut, Farhana menggunakan unsur cadangan dengan memberikan cadangan bahawa Fuad boleh menasihatinya sesuka hati dalam dialog *Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak*. Kemudian Farhana menggunakan unsur lawak dalam dialog *Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah* bagi mewujudkan kemesraan antara mereka.

Seterusnya, Fuad menyatakan simpatinya dengan menggunakan unsur pernyataan kepada Cikgu Abas yang sering bertolak-ansur dalam melayan sikap Cikgu Zamani sebagaimana dalam dialog **Aku kasihan tengok dia**.

Selanjutnya, Fuad menggunakan unsur pertanyaan untuk mendapatkan persetujuan Farhana tentang kebenaran kata-katanya tentang Cikgu Zamani dalam dialog **Betul tak Ana?** Farhana pula menggunakan unsur pernyataan bahawa Cikgu Zamani akan meneruskan sikapnya walaupun di tempat baharu sebagai tanda persetujuan secara tidak langsung sebagaimana dalam dialog **Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya**. Akhirnya, Fuad menggunakan unsur pernyataan untuk menyatakan sokongannya kepada Cikgu Zamani sebagai tanda meminimumkan cacian kepada Cikgu Zamani dalam dialog **Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu**. Unsur pernyataan, lawak, pertanyaan, pernyataan, ajakan, permintaan dan cadangan digunakan dalam peristiwa ini bagi memancarkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu menilai sikap Cikgu Zamani.

- (ii) *Peristiwa 2 Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)*

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib) ini diklasifikasikan dalam Pola 1, iaitu mematuhi prinsip hampir sama dengan memenuhi kriteria kehadiran Maksim Cara. Peristiwa dan pola kombinasi maksim yang mematuhi prinsip ini dapat dilihat dalam Jadual 6.

Jadual 6

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)

| Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/bab | Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan+Kuantiti+ Relevan+Cara (susunan tertib) | Peristiwa 2 |
|--|---|---------------------------|
| MR-B17(10)-Fu- H198-D6/11 | Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh. | |
| MR-B17(10)-Fa- H198-D4/9 | Kau ada? | |
| MR-B17(10)-Fu- H198-D7/11 | Eh, aku pun nak pindah juga! | |
| MR-B17(10)-Fa- H198-D5/9 | Kau nak ke mana? | |
| MR-B17(10)-Fu- H198-D8/11 | Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku, buat KPLI Bahasa Inggeris. Jadi, engkaulah yang kena tanggung aku selepas ni. | Fuad yang hendak melanjut |
| MR-B17(10)-Fa- | Yakah? Maktab mana? Bila? | |

| | | |
|---------------------------|--|------------------------|
| H198-D6/9 | | kan |
| MR-B17(10)-Fu-H199-D9/11 | MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang. | pelajaran dan |
| MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9 | Oohh...? Tahniah! Jadi, miskinlah engkau selepas ni, tak ada gaji. | nasihat kepada Farhana |
| MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 | Yalah. Sebab tu aku nak berbaik-baik dengan engkau. Ana ...Bila tengok kau dah gembira sikit ni, aku rasa dah sesuai jugalah untuk aku cakap dengan kau. Aku mahu kau terima hakikat bahawa kita sekarang ada tiga emak dan tiga ayah yang semuanya perlu kita hormati. Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan. Kau boleh terima mereka Ana? | |
| MR-B17(10)-Fa-H199-D8/9 | Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar. | |
| MR-B17(10)-Fu-H199-D11/11 | Emak dan ayah kau akan jadi lapan pula selepas kau kahwin nanti, tahu? | |
| MR-B17(10)-Fa-H199-D9/9 | Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka! | |

Peristiwa Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib). Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan keluarga seperti **mak, ayah, mama, apak, Pak Mail** dan **Mak Salmah** yang mencerminkan kesopanan berbahasa. Penggunaan kata panggilan tersebut adalah sebagai tanda hormat kepada orang tua yang banyak berjasa selain memaparkan kehemahan dalam berbahasa. Peristiwa ini juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama diri **kau** dan **aku** selain kata nama peribadi, iaitu **Ana** dalam perbualan antara Fuad dan Farhana. Penggunaan kata ganti nama ini sesuai dalam konteks hubungan mereka sebagai adik-beradik.

Maksim Sokongan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9 **Oohh...? Tahniah!** yang dituturkan oleh Farhana untuk memberi sokongan dan sebagai tanda penghargaan dan sokongan atas kejayaan Fuad melanjutkan pelajaran. Sokongan yang diberikan melalui ucapan **tahniah** dapat memaksimumkan pujian antara diri sendiri dan orang lain. Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff dan Mohd Isha Awang (2003, hlm. 53) memberikan pendapat bahawa menghargai bermakna membanyakkan pujian kepada orang yang dilawan bercakap kerana dengan pujian hubungan akan menjadi lebih positif dan kita sebenarnya menghargai individu tersebut.

Maksim Persetujuan diperlihatkan melalui persetujuan secara langsung dan persetujuan secara tidak langsung. Persetujuan secara langsung terdapat dalam

dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 **Yalah**. Sebab tu aku nak berbaik-baik dengan engkau. Fuad bersetuju dengan menuturkan kata **yalah** apabila Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9 mengatakannya miskin sebab tidak ada gaji. Persetujuan secara tidak langsung pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D8 **Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar**, yang dituturkan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 *Kau boleh terima mereka Ana?* Jawapan yang diberikan oleh Farhana walaupun secara tidak langsung tetap mencerminkan persetujuan apabila ungkapan **Aku malah berbangga** digunakan untuk memberikan persetujuan yang Farhana boleh menerima keluarga besar tersebut. Persetujuan secara tidak langsung ini bukan sahaja mencitrakan kesopanan malahan dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain dan meminimumkan perbalahan.

Maksim Kuantiti diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D9/11 **MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang** yang dituturkan oleh Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H198-D6/9 *Yakah? Maktab mana? Bila?* Maklumat yang diberikan oleh Fuad tentang tempat, iaitu MPIK dan masa dia memulakan pengajian, mencukupi serta memenuhi permintaan Farhana selain dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H198-D6/11 **Eh, aku pun nak pindah juga**, yang dilafazkan oleh Fuad mempunyai pertalian dengan soalan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H198-D4/9 *Kau ada?* Maklumat yang diberikan oleh Fuad secara tersiratnya bermaksud dia tidak ada di sekolah dengan memberikan jawapan bahawa dia hendak pindah juga. Maklumat ini masih berkaitan dengan topik perbincangan mereka. Dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D9/9 **Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua** yang dituturkan oleh Farhana mempunyai pertalian dengan permintaan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D11/11 *Emak dan ayah kau akan jadi lapan pula selepas kau kahwin nanti, tahu?* Jawapan Farhana secara tersiratnya menggambarkan dia tahu perkara yang dimaksudkan oleh Fuad tetapi dia sengaja mengenakan Fuad kembali dengan nada gurauan dalam dialog tersebut. Maklumat yang diberikan oleh Farhana relevan dengan pertanyaan Fuad. Maksim Relevan juga terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D8/9 **Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar** yang dituturkan oleh Farhana bagi memenuhi pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 *Kau boleh terima mereka Ana?* Maklumat yang diberikan oleh Farhana relevan dengan pertanyaan Fuad apabila Farhana menyatakan kebanggaannya mempunyai keluarga yang besar sebagai tanda bahawa dia dapat menerima mereka walaupun disampaikan secara tersirat. Maklumat yang relevan atau mempunyai pertalian amat penting dalam berkomunikasi sama ada secara tersirat atau tersurat agar dapat mewujudkan kerjasama.

Maksim Cara, iaitu teknik susunan tertib pula diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 *Aku mahu kau terima hakikat bahawa kita sekarang ada tiga emak dan tiga ayah yang semuanya perlu kita hormati. **Pertama** emak di Kuantan, **kedua** ayah di Kuala Lumpur, **ketiga** dan **keempat** mama dan apak di Sungai Ruan dan **kelima** dan **keenam**, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam*

kesemuanya, di empat tempat yang berasingan, yang dituturkan oleh Fuad untuk memberi penerangan kepada Farhana bahawa mereka berdua mempunyai enam orang emak dan ayah. Penggunaan kata bilangan seperti **pertama**, **kedua**, **ketiga**, **keempat**, **kelima** dan **keenam** digunakan agar maklumat lebih tersusun atau sistematik serta lebih difahami oleh pendengar dengan mudah lebih-lebih lagi Fuad sedang menjelaskan hal keluarga besar mereka yang baharu. Maklumat yang tersusun amat penting dalam mewujudkan kerjasama yang sekali gus menjadikan maklumat lebih terperinci dan mudah difahami pendengar dalam berkomunikasi.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati pemetaan struktur peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 7 yang berikut:

Jadual 7

Pemetaan struktur peristiwa 2

| Peristiwa: 2 | Unsur | Dialog | Maksim |
|--|--|--|-----------------------|
| Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat Kepada Farhana | Unsur lawak | Fu: Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh. | Kebijaksanaan |
| | Unsur pertanyaan | Fa: Kau ada? | Relevan |
| | Unsur pernyataan | Fu: Eh, aku pun nak pindah juga! | |
| | Unsur pertanyaan | Fa: Kau nak ke mana? | |
| | Unsur pernyataan | Fu: Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku ... | Kuantiti |
| | Unsur pertanyaan | Fa: Yakah? Maktab mana? Bila? | |
| | Unsur pernyataan | Fu: MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang. | Sokongan |
| | Unsur penghargaan | Fa: Oohh...? Tahniah! | |
| | Unsur penjelasan | Fu: Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan. | Cara (susunan tertib) |
| | Unsur pertanyaan | Fu: Kau boleh terima mereka Ana? | |
| Unsur pernyataan | Fa: Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini | | |

| | | |
|-------------|--|---------|
| | mempunyai keluarga yang besar. | Relevan |
| Unsur lawak | Fa: Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka! | |

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 2 sebagaimana paparan dalam Jadual 7, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur lawak, iaitu bergurau bahawa dia kasihan kerana Farhana tidak ada teman bergaduh bagi tujuan mengusik Farhana dalam dialog **Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh.** Kemudian, Farhana memberi respons dengan menggunakan unsur pertanyaan bahawa Fuad sebagai ganti teman bergaduh dalam dialog **Kau ada?** untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Seterusnya, Fuad menyatakan maklumat yang relevan, iaitu dia juga akan berpindah dalam dialog **Eh, aku pun nak pindah juga.** Farhana menggunakan pertanyaan, iaitu bertanya tentang maklumat perpindahan Fuad dalam dialog **Kau nak ke mana?** Fuad memberikan maklumat yang berkaitan secara tersirat dalam dialog **Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku ...** Farhana pun bertanya lebih lanjut dalam dialog **Yakah? Maktab mana? Bila?** bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi. Kemudian Fuad memberikan maklumat yang mencukupi bahawa dia akan melanjutkan pelajaran di MPIK dalam masa sebulan lagi dengan menggunakan unsur pernyataan sebagaimana dalam dialog **MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang.**

Selanjutnya, Farhana menggunakan unsur penghargaan dengan mengucapkan tahniah sebagai tanda sokongan atas kejayaan Fuad memasuki maktab dalam dialog **Oohh...? Tahniah.** Setelah itu, Fuad mengambil kesempatan dengan menggunakan unsur penjelasan, iaitu menjelaskan secara tertib kepada Farhana tentang kedudukan keluarga mereka yang bersaiz besar, iaitu ayah dan ibu kandungnya, ibu bapa angkatnya termasuk mama dan apaknya di Sungai Ruan sebagaimana yang dipaparkan dalam dialog **Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan.**

Seterusnya, Fuad menggunakan unsur pertanyaan bagi mendapatkan maklumat daripada Farhana tentang keluarga besar mereka dalam dialog **Kau boleh terima mereka Ana?** Farhana menggunakan unsur pernyataan bagi memberikan maklumat yang relevan dengan pertanyaan Fuad tentang penerimaannya terhadap keluarga besar mereka secara tersirat sebagaimana dalam dialog **Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar.** Akhirnya, Farhana menggunakan unsur lawak untuk menyampaikan maklumat yang relevan dengan mengatakan ayah mertua Fuad kahwin dua untuk mengusik Fuad dalam dialog **Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau,**

padan muka! Unsur lawak, pertanyaan, pernyataan, penjelasan dan penghargaan digunakan dalam peristiwa ini bagi mencerminkan kesopanan berbahasa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu memaklumkan diri Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan makluman kepada Farhana tentang keluarga mereka.

Pengklasifikasian Pola 2, 5 PS +3 PK

Terdapat satu peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 2 ini, iaitu (i) peristiwa 3 Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah.

(i) *Peristiwa 3 Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah - Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan*

Pola kombinasi Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan ini diklasifikasikan dalam Pola 1, iaitu mematuhi prinsip hampir sama dengan memenuhi kriteria kehadiran Maksim Persetujuan. Peristiwa dan pola kombinasi maksim yang mematuhi prinsip ini terdapat dalam Jadual 8 berikut.

Jadual 8

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan

| Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab | Kebijaksanaan+Persetujuan | Peristiwa 3 |
|--|--|------------------------------|
| MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1 | Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti. | Fuad berpesan kepada Farhana |
| MR-B19(4)-Fa-H208-D1/1 | Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar. | |

Peristiwa Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui penggunaan kata panggilan yang tepat seperti **aku, kau** atau **engkau** dan kata nama peribadi, iaitu **Ana**. Pemilihan kata tersebut sesuai dan tepat dalam konteks perhubungan mereka yang merupakan adik-beradik. Kebijaksanaan juga menyerlah melalui cara meminta bantuan seperti dalam dialog MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1 **Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti**, yang dituturkan oleh Fuad. Fuad meminta bantuan Farhana untuk mengemas pakaianya supaya dia tidak kelam-kabut nanti. Penggunaan kata **kalau** dan **tolong-tolonglah** mencerminkan kelembutan dalam meminta bantuan walaupun antara adik dan abang. Usaha ini dapat memberi manfaat kepada pendengar di samping mencerminkan tatacara dalam berbahasa.

Maksim Persetujuan pula ditandai persetujuan secara tidak langsung dalam dialog MR-B19(4)-Fa-H208-D1/1 **Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar** yang diujarkan oleh Farhana bagi menjawab permintaan Fuad dalam dialog MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1. Jawapan Farhana secara tidak langsung menggambarkan persetujuan walaupun disampaikan dalam cara bergurau bahawa

tiga buah beg Fuad akan dikemaskannya. Persetujuan secara tidak langsung dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain selain memerihalkan cara sopan dalam berkomunikasi.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati pemetaan struktur peristiwa ini memperlihatkan struktur tertentu dalam memaparkan kesopanan berbahasa seperti dalam Jadual 9 yang berikut.

Jadual 9

Pemetaan struktur peristiwa 3

| Peristiwa: 3 | Unsur | Dialog | Maksim |
|---|------------------|--|---------------|
| Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah | Unsur sapaan | Fu: Ana. | |
| | Unsur permintaan | Fu: Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti. | Kebijaksanaan |
| | Unsur lawak | Fa: Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar. | Persetujuan |

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 33 sebagaimana paparan dalam Jadual 9, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan unsur sapaan, iaitu menyapa Farhana dengan menggunakan kata nama peribadi dalam dialog **Ana** sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi. Kemudian, barulah Fuad meminta bantuan daripada Farhana untuk mengemas beg pakaiannya sebagaimana yang dipaparkan dalam dialog **Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti**. Akhirnya, Farhana memberikan persetujuannya secara tidak langsung bahawa apabila balik nanti semua beg Fuad sudah di pintu pagar rumah dengan menggunakan unsur lawak dalam dialog **Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar**. Unsur sapaan, permintaan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini bagi menggambarkan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu meminta bantuan daripada Farhana.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis, dapatan memperlihatkan penggunaan dua pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU, iaitu Pola 1 dan Pola 2 berdasarkan dialog-dialog yang diujarkan oleh kedua-dua watak dalam bab 17 dan 19 novel ini. Didapati penggunaan Pola 1 (6 PS + 4 PK) lebih dominan, iaitu berjumlah 90.9 peratus atau 20 dialog manakala Pola 2 (5 PS + 3 PK) hanya 9.10 peratus atau dua dialog. Dapatan ini menunjukkan semakin banyak maksim yang digunakan maka gambaran kesopanan lebih ketara dalam peristiwa bahasa berkenaan. Kedua-dua pola kombinasi maksim yang terbentuk ini mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU

dengan setiap peristiwa memenuhi kriteria dalam cakupan maksim-maksim pola yang berkenaan.

Kajian menunjukkan bahawa model MPKMU, iaitu kombinasi model Leech dan model Grice mampu memanifestasikan kesopanan berbahasa dalam peristiwa-peristiwa bahasa yang dianalisis dengan lebih jelas. Lanjutan itu, wujudlah pola-pola kombinasi maksim yang berbeza dalam peristiwa-peristiwa berkenaan. Perbualan dalam setiap peristiwa bukan sahaja memperlihatkan tatacara sopan dalam komunikasi yang berlangsung malahan lebih bermakna, teratur, efektif dan berjalan lancar. Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff dan Mohd Isha Awang (2003, hlm. 16) berpendapat bahawa apabila proses komunikasi berlangsung dengan baik, akan memudahkan penyampaian dan penerimaan maklumat, jika sebaliknya akan memungkinkan berlakunya salah faham.

Sementara itu, pemetaan struktur peristiwa pula memperlihatkan struktur pola kesopanan berbahasa disampaikan dalam struktur yang bervariasi. Walaupun hasil dapatan memperlihatkan penggunaan pola-pola yang sama (peristiwa bahasa 1 dan 2) tetapi struktur pemetaan memperlihatkan perbezaan. Ini bermaksud penyusunan atau aturan struktur peristiwa kesopanan bagi setiap peristiwa adalah berbeza-beza atas faktor konteks, latar dan topik yang bertepatan dengan objektif komunikasi. Pemetaan turut memperlihatkan penggunaan unsur-unsur bahasa seperti unsur pertanyaan, penghargaan, pernyataan, permintaan, cadangan, penjelasan dan lawak bagi mengekspresikan maksim-maksim kesopanan Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana dalam MPKMU. Ringkasnya, kombinasi kedua-dua model kesopanan ini dapat mencitrakan kesopanan berbahasa secara komprehensif dan holistik dalam *Melunas Rindu*. Lanjutan daripada itu para murid mendapat pendedahan tentang aspek kesopanan bertitik tolak daripada penggunaan bahasa yang sopan dan tepat selain penggunaan struktur pola kesopanan berbahasa yang bervariasi untuk mencapai objektif komunikasi (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2014b, hlm. 166).

Rujukan

- Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, & Mohd Isha Awang. (2003). Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goffman, E. (1955). On face work: An analysis of ritual elements in social interactions. *Psychiatry Journal*, 18, 213-231.
- Goffman, E. (1967). *Interaction ritual: Essays on face to face behavior*. New York: Pantheon.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversations. Dalam P. Cole & J. Morgan (Ed.), *Syntax and semantics: Speech act* (hlm. 41-58). New York: Academic Press.

- Hamidah Abdul Wahab, & Siti Marina Kamil. (2012). Peribahasa cerminan budi bahasa dan budaya bangsa Melayu. *Issues in Language Studies*, 1(1), 34-37.
- Hartini Hamzah. (2009). *Melunas rindu: Edisi murid*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Sukatan pelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lakoff, R. T. (1975). *Language and woman's place*. New York: Harper and Row, London.
- Leech, Geoffrey. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Mohamad Hanafi Hairan. (2004). *Masalah pendidikan Komsas: Satu kajian kes di daerah Hulu Selangor*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Mohd Yazid Kassim. (2005). *Genre drama dalam teks sastera: kajian kandungan nilai*. (Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Noor Hartini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 83-108.
- Norhana Bakhary. (2014). Strategi Kesantunan Berbahasa Masyarakat Adat Perpatih dalam Kata Perbilang. *Jurnal Bahasa*. 14(2), 239-271.
- Noriati Abd. Rashid. (2013). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Azian Abd Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa: Satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2014a). Analisis kesopanan berbahasa dalam komponen sastera (Komsas): *Melunas Rindu*. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*, 38(2), 235-246.
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2014b). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur dan Pola Kesopanan Bahasa dalam Peristiwa *Melunas Rindu*. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*, 19, 151-168.
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975) dan kaitannya dengan sosiobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 143-172.